



# 2023

## UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

### HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena  
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak  
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan  
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu  
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak  
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

# TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk .....	01
From Assistant Rector's Desk .....	02
Editors' Note .....	03
Editorial Board .....	04
Highlights .....	05
News and Articles .....	09
Creative Writing .....	64
Congratulations! .....	66
Press and Media Coverage .....	81

# EDITORIAL BOARD

**Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali**

Advisor

**Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir**

Managing Editor

**En Mohamad Musa Bin Bohari**

Chief Editor

**En Yahutazi Bin Chik**

Deputy Chief Editor

Editors :

**Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin**

**Pn Suffina Binti Long**

**Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari**

**Cik Stefanie Natasha Rich Joseph**

**En Shileyiusken Mijen**

Webmaster

**Pn Irene Binti Seluroh**

Layout & Design

**En Mohamad Shafik Bin Mohd Samsi**

Corporate and Communication Unit

Published By

**Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah**

eISNN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

# NEWS AND ARTICLES

## **'Motivational Talk with UiTM Alumni' anjuran Persatuan D'BES.**

Penulis : Pressca Naging dan Nur Aneesha Kamal

**MUKAH:** Persatuan D'BES 2022/2023 telah menganjurkan program *Motivational Talk with UiTM Alumni* pada 20 Mei 2023 yang lalu bertujuan untuk memberi motivasi dalam aspek peningkatan mutu akademik pelajar. Program ini telah diadakan di Dewan Sri Balau, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah bermula jam 9.00 pagi sehingga 2.00 petang. Program ini juga bertujuan untuk memberi inspirasi serta motivasi kepada para pelajar untuk berusaha dengan lebih lagi dalam mendapatkan ilmu untuk mencapai kejayaan di alam universiti dan sekaligus menjadikan pelajar sebagai penyumbang utama kepada kemajuan generasi muda yang akan datang. Seramai 69 orang pelajar terlibat dalam program ini yang merangkumi pelajar daripada semester 1 sehingga semester 5.

Tidak lengkap program ini tanpa kehadiran Penasihat Persatuan D'BES iaitu Puan Pressca Naging, diikuti dengan tetamu kehormat iaitu Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Puan Carolin Ann Binti Enchas dan penceramah jemputan merangkap alumni dan juga pensyarah UiTM, Encik Mohd Musa Bin Bohari. Turut dijemput penceramah kedua, bekas pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan dari UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah sendiri iaitu Aaron James Anastasia. Beliau adalah graduan UiTM Mukah pada tahun 2018. Program ini juga turut dimeriahkan dengan kehadiran beberapa orang pensyarah dari FPP dan ACIS.

Acara diteruskan lagi dengan ucapan kata-kata aluan daripada Penasihat Persatuan D'BES iaitu Puan Pressca Naging sekali gus merasmikan program *Motivational Talk with UiTM Alumni*. Seterusnya, program ini dimulakan dengan slot motivasi pertama daripada Encik Mohd Musa Bin Bohari yang juga merupakan salah seorang pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa (APB).

Terdapat banyak pengisian yang beliau kongsikan kepada para pelajar yang hadir. Di antaranya, beliau menekankan kepentingan tidak mudah berputus asa dalam mempelajari ilmu dan kata-kata motivasi yang dapat memberi inspirasi kepada para pelajar untuk dijadikan contoh dan diaplikasikan dalam kehidupan sebagai seorang pelajar universiti. Program diteruskan lagi dengan penceramah jemputan yang kedua yang juga merupakan bekas pelajar UiTM Kampus Mukah iaitu Aaron James Anastasia. Beliau juga banyak berkongsi ilmu dan pengalaman selepas menamatkan pengajian dari UiTM. Beliau kini merupakan usahawan yang berjaya dan pengurus di syarikatnya sendiri iaitu AJ Mega Jaya Enterprise. Beliau banyak berkongsi tentang tips-tips memulakan perniagaan atau syarikat sendiri yang boleh menjadi panduan kepada pelajar FPP dalam pencarian kerjaya kemudian hari. Program ditamatkan dengan sesi soal jawab dan sesi bergambar.

